



## SIARAN MEDIA

### PERANAN WANITA TERUS DIPERKUKUH DALAM ARUS PEMBANGUNAN MALAYSIA MADANI

**KUALA LUMPUR, 10 Mac 2026** – YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia hari ini merasmikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 (SHWA2026) yang berlangsung di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur.

Sambutan pada tahun ini mengangkat tema “Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara”, yang menzahirkan pengiktirafan kerajaan terhadap peranan penting wanita sebagai pemangkin utama kepada pembentukan keluarga sejahtera, masyarakat berdaya tahan dan negara yang mampan.

Agenda pemerksaan wanita bukan sekadar tanggungjawab kerajaan semata-mata, sebaliknya memerlukan komitmen semua pihak melalui pendekatan *whole-of-nation* bagi memastikan wanita terus diberi ruang dan peluang untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Bersempena sambutan tersebut, pelaksanaan PRISMA<sup>n</sup>ita telah diumumkan, iaitu Perantara Rujukan, Intervensi, Sokongan, Maklumat dan Advokasi untuk Wanita, yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita.

Inisiatif ini diwujudkan bagi memudahkan akses wanita kepada perkhidmatan bantuan yang lebih pantas, terselaras dan mesra mangsa, khususnya dalam menangani pelbagai isu kekeluargaan termasuk keganasan rumah tangga.

PRISMA<sup>n</sup>ita berfungsi sebagai pusat sehenti (one-stop centre) yang menyatukan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung selaras dengan konsep “No Wrong Door Policy – Dasar Pintu Terbuka”, bagi memastikan wanita mendapat bantuan yang tepat tanpa halangan birokrasi. Perkhidmatan PRISMA<sup>n</sup>ita akan beroperasi melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) di seluruh negara.

Selain PRISMA<sup>n</sup>ita, insentif pengecualian cukai kepada badan korporat yang menaja caruman Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (Lindung Kasih) turut diumumkan. Skim Lindung Kasih yang diperkenalkan pada tahun 2022 di bawah PERKESO menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada suri rumah daripada risiko bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga.

Melalui mekanisme baharu ini, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) akan bertindak sebagai badan perantara kepada syarikat atau pihak yang ingin menaja caruman skim tersebut. Penajaan yang disalurkan melalui YKN melayakkan penyumbang menikmati pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Kerajaan menggalakkan lebih banyak syarikat swasta, badan korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta individu untuk mengambil peluang ini bagi menaja caruman Lindung Kasih kepada wanita yang layak.

Kerajaan MADANI akan terus memperkasa wanita melalui pelaksanaan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030, termasuk usaha memperluas peluang ekonomi, memperkukuh perlindungan sosial serta mewujudkan ekosistem pekerjaan yang lebih responsif dan inklusif kepada keperluan wanita.

Sementara itu YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam ucapan aluannya telah menyatakan bahawa kerajaan telah melakukan pelbagai inisiatif dalam usaha memperkasa golongan wanita sama ada dalam bidang ekonomi, kepimpinan, keselamatan dan kesejahteraan.

Turut disampaikan dalam majlis sambutan ini ialah beberapa anugerah berprestij kepada mereka yang berperanan aktif dalam memperjuangkan hak, kesejahteraan dan kemajuan wanita iaitu Anugerah Ikon Wanita 2026, Anugerah Syarikat Mesra Wanita 2026 dan Anugerah NGO Pemerkasa Komuniti Wanita 2026.

Turut hadir isteri YAB Perdana Menteri, YABhg Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Lim Hui Ying, Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr Maziah Che Yusoff, Jemaah Menteri, Perwakilan Asing serta Pegawai Kanan Kerajaan Jabatan Persekutuan dan Negeri.

**### tamat ###**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
10 MAC 2025**